



Polisi Home Partner anda memberikan 3 jenis perlindungan iaitu Barangan Isi Rumah, Kemalangan Diri dan Liabiliti Awam.

#### SEKSYEN I - Barangan Isi Rumah

Memberi perlindungan kepada anda dan/atau ahli keluarga anda yang tinggal bersama anda ke atas kerugian atau kerosakan barangan isi rumah dan barangan persendirian anda dengan syarat tiada satu barang pun (kecuali perabot, piano, organ, perkakas rumah, radio, peti televisyen, perakam video, peralatan HiFi dan seumpamanya) lebih tinggi daripada 5% daripada Jumlah Besar Diinsuranskan melainkan diisytiharkan secara khusus, semasa disimpan di dalam rumah kediaman persendirian tersebut. Kerugian atau kerosakan pada harta benda yang diinsuranskan akibat mana-mana PERIL yang disebutkan di bawah:

- Kebakaran & Kilat
  - Banjir, Ribut Angin, Taufan, Gempa Bumi, Letusan Gunung Berapi
  - Letupan (Domestik)
  - Kecurian/Pecah Masuk yang disertai dengan kemasukan menggunakan kekerasan dan kekasaran
  - Kerosakan Akibat Hentaman oleh Kenderaan atau Haiwan, tidak termasuk kenderaan atau haiwan
- Kepunyaan atau di bawah kawalah anda atau mana-mana ahli keluarga anda
  - Samun & rompakan senjata
  - Pesawat udara & peranti udara lain dan/atau benda yang terjatuh darinya
  - Rusuhan, Mogok & Kerosakan Niat jahat
  - Kerosakan Air Akibat Tangki atau Paip Air Pecah

PERLINDUNGAN DIPERLUAS Kerugian atau Kerosakan Akibat Peril Ditetapkan yang Diinsuranskan	Liabiliti Syarikat adalah terhad kepada mana-mana satu kejadian dan dalam jumlah
Basikal gunung & basikal, harta persendirian yang disimpan di luar kediaman tetapi dalam kawasan berpagar	RM 1,000
Harta benda pembantu rumah	RM 1,000
Wang tunai/koleksi wang syiling, wang kertas & nota bank	RM 1,500
Kerugian atau kerosakan pada cermin selain cermin tangan	RM 500
Kerosakan pada makanan dingin beku dan makanan mudah rosak akibat peril yang diinsuranskan	RM 500
Penggantian kunci dan anak kunci luar	RM 500
Pembayaran ganti perbelanjaan sewa - RM200 sehari	Maksimum 10% daripada keseluruhan jumlah diinsuranskan, mana-mana yang lebih rendah
Pembersihan puing	RM 2,000
Bayaran jabatan bomba & kos menggantikan alat pemadam kebakaran	RM 5,000
Kerugian atau kerosakan pada harta yang dipindahkan sementara daripada rumah kediaman	Sehingga 15% daripada keseluruhan jumlah diinsuranskan

#### SEKSYEN II - Insurans Kemalangan Diri

Seksyen ini menyediakan perlindungan 24 jam di seluruh dunia untuk anda dan ahli keluarga terdekat anda sehingga empat (4) orang yang menetap di rumah kediaman persendirian bagi kecederaan anggota badan akibat kemalangan. Jumlah diinsuranskan bagi setiap orang ialah RM 10,000 dan gabungan liabiliti maksimum kami bagi tempoh tersebut tidak akan melebihi RM 50,000.

(Had Umur : 3 bulan hingga 65 tahun)

Jadual Manfaat	Jumlah Diinsuranskan Seorang
Kematian/Hilang Upaya Kekal (terlantar sakit di katil)	RM 10,000
Hilang kedua-dua belah tangan dan/atau kedua-dua belah kaki	RM 10,000
Hilang penglihatan kedua-dua belah mata dan/atau pendengaran kedua-dua belah telinga	RM 10,000

Hilang penglihatan sebelah mata dan hilang sebelah tangan/sebelah kaki	RM 10,000
Hilang penglihatan sebelah mata/pendengaran sebelah telinga	RM 5,000
Hilang sebelah tangan/kaki	RM 5,000

### SEKSYEN III - Liabiliti Diri (Sehingga RM250,000 bagi mana-mana satu kemalangan/Tempoh Insurans)

Seksyen ini menanggung rugi anda ke atas semua jumlah yang anda bertanggungjawab di sisi undang-undang untuk membayarnya berkaitan dengan:

- Kecederaan anggota badan akibat kemalangan kepada mana-mana pihak ketiga dan/atau
- Kerugian atau kerosakan akibat kemalangan pada harta benda pihak ketiga

yang berlaku di rumah kediaman persendirian anda atau di Malaysia dalam tempoh insurans.

#### Pengecualian Utama

Anda dan/atau ahli keluarga anda tidak akan dibayar ganti rugi bagi:

#### Seksyen I

- Mana-mana bahagian struktur atau siling, kertas dinding atau seumpamanya
- Surat ikatan, bon, bil pertukaran, nota janji hutang, cek, setem, sebarang jenis dokumen, manuskrip, pingat, kenderaan bermotor atau aksesori atau ternakan
- Kecurian oleh pembantu rumah anda atau mana-mana ahli keluarga atau isi rumah anda

#### Seksyen II

- Hilang akal, membunuh diri (sama ada siuman atau tidak siuman), kecederaan diri yang disengajakan atau sebarang cubaannya
- Sebarang jenis penyakit, jangkitan atau parasit, AIDS
- kelahiran anak, keguguran, kehamilan atau apa-apa sahaja komplikasinya melainkan disebabkan oleh kemalangan secara langsung atau tidak langsung
- Semasa melakukan atau cuba melakukan sebarang perbuatan jenayah
- Kecacatan atau keuzuran fizikal atau mental yang sedia ada

#### Seksyen III

- Liabiliti yang ditanggung di bawah kontrak dan/atau perjanjian
- Tuntutan yang dibuat oleh pekerja anda atau kemalangan yang berlaku semasa bekerja
- Tuntutan terhadap anda atau ahli keluarga anda
- Liabiliti yang timbul daripada pemunyaan, pemilikan atau penggunaan mana-mana haiwan (melainkan anjing atau kucing peliharaan), kenderaan yang digerakkan secara mekanikal, kapal atau pesawat udara, tanah atau bangunan dan senjata api
- Liabiliti yang timbul daripada pekerjaan, perdagangan, profesion atau perniagaan anda
- Pencemaran atau kontaminasi resapan
- Denda, penalty, ganti rugi, punitif atau sebarang jenis ganti rugi teladan

#### Pengecualian Am Kepada Semua Seksyen

Anda dan/atau ahli keluarga anda tidak akan dibayar pampasan bagi tuntutan yang timbul daripada:

- Peperangan, pencerobohan, tindakan musuh luar, permusuhan atau operasi perang (sama ada perang diisytiharkan atau tidak), perang saudara
- Dahagi, rusuhan atau kebangkitan ketenteraan atau kebangkitan awam, pemberontakan, penentangan, revolusi, kuasa tentera atau rampasan kuasa, pemerintahan tentera atau keadaan terkepung atau apa-apa peristiwa atau sebab yang menentukan pengisytiharan atau pengekalan pemerintahan tentera atau keadaan terkepung
- Pemberhentian kerja atau oleh perampasan, penawanan, rekuisisi atau kemusnahan atau kerosakan harta dengan perintah kerajaan de jure atau de facto atau mana-mana perbandaran awam atau pihak berkuasa tempatan negara atau kawasan di mana terletak harta tersebut; atau disebabkan harta mengalami penapaiannya sendiri, pemanasan semula jadi atau pembakaran spontan atau akibat menjalani apa-apa proses pemanasan atau pengeringan
- Risiko radioaktif dan tenaga nuklear
- Apa jua jenis kerugian turutan dan kerosakan lanjutan
- Sebarang tindakan keganasan

#### Keterangan Rumah Kediaman

Rumah kediaman persendirian anda mestilah berdinginkan bata/konkrit dan berbumbungkan bahan yang tidak mudah terbakar. Pintu pagar dan pagar tidak dianggap sebahagian daripada barangan rumah kerana ia membentuk

sebahagian daripada peralatan bangunan yang masing-masing sepatutnya dilindungi di bawah Polisi Empunya Rumah atau Polisi Kebakaran.

#### **Asas Pampasan**

Bayaran pampasan Polisi Home Partner anda adalah berasaskan nilai pasaran. Anda akan dibayar pampasan sebanyak nilai yang diinsuranskan atau nilai pasaran harta yang diinsuranskan, mengikut mana-mana yang lebih rendah, tertakluk kepada potongan apa-apa lebih dan jumlah yang anda dikehendaki bayar di bawah polisi ini. Istilah "Nilai Pasaran" yang telah ditakrifkan dalam polisi anda bermaksud nilai harta yang diinsuranskan pada masa berlakunya kerosakan atau kerugian ditolak potongan sewajarnya untuk haus dan lusuh dan/atau susut nilai. Walaubagaimanapun, anda boleh memutuskan untuk mengambil perlindungan insurans berasaskan nilai penggantian, yang dalam hal ini anda akan dibayar pampasan sebanyak nilai barang baru tetapi tidak lebih daripada harta yang diinsuranskan ketika baru. Nilai diinsuranskan anda mestilah menggambarkan nilai penggantian barang yang diinsuranskan itu.

#### **Pengisytiharan Khusus Setiap Barang**

Anda mestilah mengisytiharkan secara khusus mana-mana barang yang nilainya lebih besar daripada 5% daripada Jumlah Besar Diinsuranskan di bawah Seksyen I demi memastikan anda akan mendapat pampasan penuh sekiranya berlaku kerugian/kerosakan.

#### **Perlindungan Tambahan**

Perlindungan tambahan berikut boleh disertakan tertakluk kepada bayaran premium tambahan:

- Tanah mendap dan gelinciran tanah
- Kebakaran belukar
- Kerosakan disebabkan pokok tumbang
- Kecurian penuh iaitu masuk/keluar tanpa menggunakan kekerasan
- Kecurian oleh pembantu rumah

#### **Bayaran Premium**

- Bayaran premium mestilah dibuat kepada ejen kami atau terus kepada kami dalam tempoh 60 hari dari bermulanya Polisi ini.
- Bayaran boleh dibuat secara tunai, menggunakan kad kredit atau cek (cek mestilah dikeluarkan atas nama **Tokio Marine Insurans (Malaysia) Berhad**).
- Pastikan anda diberi resit bagi premium yang dibayar.
- Hubungi kami jika anda masih tidak menerima polisi insurans anda sebulan selepas tarikh belian.

#### **Kewajipan Pendedahan**

- Menurut Perenggan 5 daripada Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, jika anda memohon Insurans ini sepenuhnya untuk tujuan yang tidak berkaitan perdagangan, perniagaan atau profesion anda, anda mempunyai kewajipan untuk mengambil langkah yang munasabah untuk tidak salah nyata dalam menjawab soalan-soalan di dalam Borang Cadangan (atau semasa memohon insurans ini). Anda dikehendaki menjawab soalan-soalan dalam Borang Cadangan ini dengan lengkap dan tepat.
- Kegagalan untuk mengambil langkah yang munasabah dalam menjawab soalan-soalan, mungkin mengakibatkan pembatalan kontrak insurans anda, keengganan atau pengurangan gantirugi, perubahan terma atau penamatan kontrak insurans anda.
- Kewajipan pendedahan di atas hendaklah diteruskan sehingga kontrak insurans anda dimeterai, diubah atau diperbaharui dengan kami.
- Sebagai tambahan kepada soalan-soalan di dalam Borang Cadangan (atau semasa memohon insurans ini), anda dikehendaki untuk mendedahkan apa-apa perkara lain yang anda tahu akan mempengaruhi keputusan kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang dikenakan.
- Anda juga mempunyai kewajipan untuk memberitahu kami dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak insurans anda ditandatangani, diubah atau diperbaharui dengan kami (atau semasa permohonan insurans ini), apa-apa maklumat yang dinyatakan dalam Borang Cadangan tidak tepat atau sudah berubah.

#### **Sumbangan**

Sekiranya pada masa berlakunya apa-apa kerugian atau kerosakan harta, terdapat mana-mana insurans lain yang diambil oleh anda atau ahli keluarga anda yang memberi perlindungan yang sama, maka kami tidak bertanggungjawab untuk membayar atau menyumbangkan lebih banyak daripada bahagian kadarannya daripada kerugian atau kerosakan tersebut.

#### **Lebihan**

Ia merupakan jumlah kerugian yang perlu anda tanggung bagi setiap tuntutan.

## APAKAH YANG HARUS ANDA LAKUKAN Jika Berlakunya Kerugian/Kerosakan

### Pemberitahuan Tuntutan

Anda mestilah memberitahu kami secara bertulis dengan memberikan butiran penuh mengenai kejadian/kemalangan dengan seberapa segera yang mungkin dalam tempoh masa yang ditetapkan dalam polisi anda. Pemberitahuan awal hendaklah diberikan bagi mengelakkan sebarang prejudis terhadap tuntutan anda. Buat laporan polis dengan segera jika membabitkan kecurian, kemalangan dan/atau kecederaan pada pihak ketiga.

### Pengemukakan Tuntutan

Anda mestilah mengemukakan tuntutan anda kepada kami bersama semua maklumat dan dokumen sokongan sebagaimana yang diminta dengan seberapa segera yang mungkin. Jika ajuster/penyiasat dilantik oleh kami, anda mestilah memberi kerjasama sepenuhnya kepada mereka dalam menaksir tuntutan anda.

### Kewajipan Pendedahan Maklumat Tuntutan

Anda mestilah memberi jawapan yang benar dalam Borang Tuntutan kerana apa-apa salah nyata atau penyembunyian fakta akan menjejaskan tuntutan anda.

## BAGAIMANA CARA UNTUK MEMBUAT Aduan dan Saluran Penyelesaian Yang Tersedia



#### Tulis kepada :

1. Pusat Hubungan Bersepadu Bank Negara Malaysia melalui [bnmtelelink@bnm.gov.my](mailto:bnmtelelink@bnm.gov.my), atau
2. pengantara insurans Ombudsman Perkhidmatan Kewangan.

Sebagai alternatif, anda boleh melawat terus ke kaunter BNMLINK untuk menfailkan aduan anda (sila rujuk kepada [www.bnm.gov.my/bnmlink/index.htm](http://www.bnm.gov.my/bnmlink/index.htm)) atau anda boleh membawa kes anda ke mahkamah.

Untuk maklumat lebih terperinci mengenai Tokio Marine, produk dan perkhidmatan kami, sila layari laman web kami [www.tokiomarine.com](http://www.tokiomarine.com).

Tokio Marine Insurans (Malaysia) Berhad dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawalselia oleh Bank Negara Malaysia.